



Orang Asli yang miskin tidak ketinggalan menerima bantuan daripada kerajaan.

**D**ASAR keseimbangan wilayah yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2007 bertujuan membasmi kemiskinan tegar yang melibatkan 67 ribu isi rumah dengan peruntukan sejumlah RM578 juta.

Usaha kerajaan ini selaras dengan prinsip Islam yang menuntut pembangunan ekonomi meliputi semua lapisan masyarakat. Pengagihan kekayaan penting bagi menjamin kestabilan sosial dan ekonomi. Atas dasar ini juga, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan pada 1970 dengan menyasarkan penguasaan 30 peratus pemilikan ekuiti ekonomi dalam kalangan orang Melayu dan bumiputera.

Dasar keseimbangan wilayah mula diperkenalkan ketika Allahyarham Tun Razak menjadi Perdana Menteri (1970 – 1976). Ketika itu beberapa kawasan pembangunan wilayah diwujudkan seperti Jengka Tiga Segi dan Pahang Tenggara (DARA) di Pahang, Lembaga Kemajuan Johor

# Misi Membasmi Kemiskinan

Oleh **ZAINAL JUMAT**

Tenggara (KEJORA) di Johor, dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) di Terengganu. Konsep pembangunannya lebih menumpukan usaha membangunkan aktiviti ekonomi yang sesuai berasaskan sumber asli yang terdapat di kawasan tersebut secara berterusan.

Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) serta Jawatankuasa Pemandu dan Penyertaan Bumiputera mengenal pasti kawasan yang perlu diberikan perhatian untuk dijana dengan pembangunan ekonomi. Hal ini membolehkan pembangunan yang dijalankan selaras

dengan kehendak penduduk setempat. Oleh sebab itu, kerajaan negeri perlu memastikan bahawa taburan industri dan komposisi pembangunan ekonomi mengikut corak taburan penduduk setempat bagi membolehkan setiap penduduk menikmati faedah pembangunan.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pelaksanaan dasar pembangunan seperti DEB masih diperlukan selagi wujud ketidakseimbangan ekonomi antara kaum di negara ini. Menurut beliau, jurang pendapatan antara

bumiputera dengan bukan bumiputera masih luas. Misalnya menurut laporan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 2006, setiap RM1 yang diperoleh bumiputera, bukan Bumiputera memperoleh sebanyak RM1.80.

Hasil pelaksanaan strategi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat menunjukkan jurang pendapatan antara kaum dapat dikurangkan sejak DEB diperkenalkan pada 1971. Dalam tempoh 1971–1990, kerajaan berjaya mewujudkan suasana aman dan stabil bagi membolehkan tumpuan diberikan kepada usaha membangunkan ekonomi negara. Kadar kemiskinan dan ketidakseimbangan yang ketara dalam pendapatan dapat dikurangkan.

Dalam hal ini, kerajaan terus memperkemas jentera pelaksanaan di samping melaksanakan sistem pemantauan yang berkesan bagi memastikan kumpulan sasaran menikmati faedah secara maksimum. Pencapaian bumiputera kurang memberangsangkan dalam tempoh Dasar Pembangunan Nasional (1991–2000) dan Dasar Wawasan Negara (2001–2010). Penekanan terhadap pembangunan seimbang antara bandar dengan luar bandar, penjanaan ekonomi masyarakat desa, peluang ekonomi untuk semua, dan komitmen membasmi kemiskinan secara total merupakan pendekatan penting yang menjamin tidak berlaku lagi pemusatan kekayaan terhadap kelompok tertentu.

Walaupun strategi keseimbangan wilayah ini digerakkan selama lebih 20 tahun, negara ini masih lagi berhadapan dengan keadaan pembangunan yang tidak seimbang. Strategi keseimbangan wilayah ini sering diherotkan dengan sistem ekonomi pasaran bebas yang mendominasi teori bahawa hanya kawasan yang maju sahaja menjadi tumpuan setiap aktiviti ekonomi.



Aktiviti perniagaan kecil-kecilan membantu golongan berpendapatan rendah menambahkan pendapatan.

Missalnya, pembangunan yang terlalu bertumpu di sesetengah kawasan seperti di Lembah Klang mengundang banyak kesan negatif akibat penghijrahan penduduk. Kepadatan penduduk yang tinggi meningkatkan keperluan sosial seperti perumahan, kesihatan dan pengangkutan. Sehubungan dengan hal itu, jentera pelaksanaan kerajaan mesti diperkuatkan. Hakikatnya, orang Melayu sekarang perlu bangkit dalam memperjuangkan taraf ekonomi mereka.

Dengan memfokuskan strategi keseimbangan wilayah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan sangat prihatin untuk memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah yang masih berlaku. Kerajaan mengiktiraf Perlis sebagai kawasan projek yang menikmati tahap pengecualian cukai pendapatan yang lebih baik. Hal ini dapat menarik kemasukan pelaburan sektor swasta sama ada dari dalam mahupun luar negara ke negeri itu. Pembinaan jambatan kedua dan monorel di Pulau Pinang serta projek Wilayah Pembangunan Ekonomi

Selatan Johor [South Johor Economic Region (SJER)] di Johor juga dijangka membantu mewujudkan keseimbangan antara wilayah.

Selain itu, Perdana Menteri juga meminta semua kerajaan negeri memastikan setiap projek yang hendak dilaksanakan di kawasan luar bandar turut melibatkan penduduk setempat. Masyarakat luar bandar diminta bekerjasama memajukan pelbagai projek yang dirancang di kawasan mereka. Dasar baharu kerajaan ini memastikan golongan berkenaan mendapat faedah dan tidak ketinggalan dalam sebarang projek yang dilaksanakan. Dalam hal ini, peranan usahawan setempat diperlukan dalam membangunkan kawasan mereka.

Pelaksanaan Misi Nasional dianggap sebagai rancangan bersepadu yang bukan sahaja memperkasa golongan bumiputera, tetapi turut memberikan penekanan terhadap usaha membantu kaum lain dengan menyasarkan pemilikan tiga peratus kekayaan kaum India yang turut terpinggir. Jelas, kerajaan ingin menyamaratakan jurang agihan pendapatan masyarakat majmuk

di negara ini yang berhak menerima nikmat pembangunan.

Kerajaan melaksanakan program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang disediakan untuk golongan miskin dengan peruntukan sebanyak RM156 juta. Skim yang memberikan manfaat kepada lebih 110 ribu orang peserta itu meliputi program peningkatan pendapatan, program latihan kemahiran dan kerjaya, serta program kecemerlangan pendidikan.

Program lain pula termasuklah Pembangunan Orang Asli yang melibatkan peruntukan sebanyak RM144 juta termasuk penempatan tersusun, kegiatan ekonomi, dan infrastruktur sosial mereka. Program ini melibatkan pembelian ladang berhasil seluas 2500 hektar dan penerokaan kawasan baharu dengan peruntukkan sebanyak RM90 juta. Selain itu, program pembukaan ladang getah seluas 2000 hektar oleh Lembaga Industri Getah Sabah dapat menyediakan peluang pekerjaan dan bakal memberikan pulangan yang baik kepada masyarakat setempat.

Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) melaksanakan Program Lonjakan Mega Luar Bandar di seluruh Negara dengan matlamat mengeluarkan 10 ribu keluarga miskin tegar daripada garis kemiskinan. Program ini mewujudkan pusat pertumbuhan selain perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan pertanian dan penternakan. Projek ini dilaksanakan di Pulau Banggi, Sabah, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Wilayah Gabda di Grik, Perak dan Gabai di Lipis, Pahang.

Sebanyak 175 ribu pesawah yang mengusahakan 693 ribu hektar sawah padi di seluruh negara dijangka mendapat bantuan subsidi minyak menjelang akhir tahun ini. Pemberian subsidi ini bertujuan membantu petani mengurangkan kos pengeluaran padi. Kenaikan harga minyak mengakibatkan



**Kepesatan pembangunan tidak lagi hanya tertumpu di kawasan bandar.**

kenaikan kos pengeluaran padi sebanyak tiga kali ganda menyebabkan pendapatan pesawah semakin berkurangan. Baru-baru ini, harga minimum padi kering dan bersih dinaikkan daripada RM550 satu tan metrik kepada RM650 satu tan metrik. Langkah ini selaras dengan kenaikan kos pengeluaran dan juga persaingan yang semakin sengit di pasaran terbuka. Bantuan ini juga sejajar dengan perkembangan masa kini bagi membantu pesawah daripada terus teraniaya.

Projek pembangunan di Kelantan, Terengganu, dan Pahang turut diberikan perhatian. Petronas diberikan tanggungjawab memajukan kawasan Tok Bali-Besut dan Kemaman-Cherating. Pembangunannya menjurus kepada industri hiran berasaskan petrokimia, industri kraf tangan, dan pelancongan.

Program industri asas tani (Sawari) serta aktiviti perniagaan dan perusahaan yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) berjaya menambahkan pendapatan sampingan peneroka sekitar RM600 hingga RM3500 sebulan. Sehingga suku pertama 2006, sebanyak 35 369 orang terlibat dalam program tersebut.

Industri asas tani melibatkan tanaman komersial, ternakan dan akuakultur, manakala aktiviti Sawari meliputi perusahaan makanan, jahitan, dan kraf tangan. Sementara itu, aktiviti perusahaan dan perniagaan pula tertumpu pada perniagaan runcit, kedai makanan, kafe, perusahaan kecil dan bengkel. Pihak FELDA juga menyediakan dana khas yang dinamakan Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) yang berjumlah RM100 juta bagi mengeluarkan bantuan dan pinjaman kepada peneroka yang menjalankan aktiviti bukan tanaman.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bersama Telekom Malaysia Berhad memperkenalkan pakej pembelian komputer untuk penduduk luar bandar dan pelajar institusi pengajian tinggi bagi mencapai sasaran kempen "Satu Rumah Satu Komputer". Pakej ini selaras dengan matlamat kerajaan bahawa masyarakat luar bandar perlu mendapat manfaat kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Secara tidak langsung membantu mereka keluar daripada masalah kemiskinan. **PM**

*Penulis perunding bebas pelaburan.*